

MAHATHIR

PIMPINAN CEMERLANG

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PUSTAKA PERDANA



1010121




**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**

Mahathir Pimpinan Cemerlang

Untuk membangunkan negara ini dan menjadikannya sebuah negara yang maju dan berjaya, Dr. Mahathir berpendapat bahawa sikap dan nilai masyarakat adalah faktor yang paling penting. Perdana Menteri telah menumpukan usahanya dan telah berjaya di dalam membentuk sikap masyarakat ke arah yang lebih positif.

Belunggu penjajahan yang mencengkam negara ini beratus-ratus tahun lamanya telah melemahkan jiwa masyarakat. Sikap yang lemah atau 'Jiwa Hamba' ini perlu dikikis dan digantikan dengan semangat dan keyakinan baru supaya kita kembali sebagai bangsa yang bermaruah. Dato Seri Dr. Mahathir terus menerus menekankan kepada pentingnya membina dan memelihara maruah bangsa dan ini kerap kali dilaung-laungkan bila berucap.

Dr. Mahathir tidak kurang juga menumpukan perhatian kepada soal mengisi kemerdekaan dengan semangat, keajaiban dan keazaman untuk memelihara maruah bangsa. Jika tidak, masyarakat kita akan menjadi lemah dan direndahkan oleh khayalan yang menghanyutkan. Apa yang harus disema dan dipupuk ialah nilai-nilai yang tinggi dan mulia. Dr. Mahathir telah berjaya menyedarkan masyarakat supaya giat berusaha mencapai kemajuan dan kebahagiaan demi menjaga maruah bangsa.



Melalui Dasar Pandang Ke Timur Dr. Mahathir telah menekankan akan pentingnya nilai-nilai ketimuran demi menjamin kemajuan dan kesejahteraan hidup. Dengan memandang ke Timur, rakyat akan mengutamakan nilai-nilai hidup beradab dan beradab yang sesuai dengan masyarakat kita. Bangsa Timur hidup dengan semangat kemasyarakatan dan berpandangan bahawa 'Bulat air kerana pembentung, Bulat masyarakat kerana muafakat'. Sebagai masyarakat Timur kita mesti mengekalkan nilai-nilai mulia iaitu bersopan-santun, tertib, menghormati kepentingan masyarakat dan keluarga, beradab resam dan rajin bekerja. Dengan ini kita akan terselamat daripada terjerumus ke kancuh hidup yang tenat seperti yang dialami oleh kebanyakan masyarakat di Barat. Falsafah bangsa Barat telah banyak berubah. Mereka lebih cenderung kepada keseronokan dan khayalan. Segala ini amat tidak sesuai dan mesti dihindarkan daripada masyarakat kita.

Keyakinan pada diri sendiri akan membuat kita lebih berkebolehan untuk meninggikan daya pengeluaran. Ini akan meningkatkan ekonomi negara. Langkah-langkah meningkatkan ekonomi dan keupayaan teknologi kesemuanya menuju ke matlamat untuk memelihara maruah kita. Bagi Dr. Mahathir kita hanya akan dihormati dan dipandang mulia bila kita telah menguasai segala bidang yang kini dimiliki oleh bangsa-bangsa yang maju.

Pembangunan Kebendaan dan Kerohanian yang Seimbang

Kejayaan Dr. Mahathir juga boleh dilihat daripada usahanya memperseimbangkan pembangunan kebendaan dan kerohanian di dalam masyarakat kita. Dr. Mahathir

berpendapat yang hanya apabila kemajuan ekonomi berjalan serentak dengan kemajuan sosial dan kerohanian barulah pembangunan itu membawa penuh erti dan menghasilkan kestabilan negara.

Corak pembangunan yang kita utamakan adalah jauh lebih luas daripada hanya mengejar kadar pertumbuhan per kapita Keluaran Negara Kasar (KNK) semata-mata tetapi juga ke arah masyarakat yang maju, kukuh, aman dan makmur. Beliau menjalankan usaha-usaha untuk mewujudkan keseimbangan yang baik antara kemajuan material dan pembangunan kerohanian kerana pertumbuhan ekonomi yang tidak diikuti dengan peneguhan perpaduan dan kemajuan kerohanian tidaklah ada maknanya.

Bagi Dr. Mahathir sebenarnya tidak ada konflik antara nilai-nilai material dan rohaniah. Kedua-duanya dapat diterima. Konflik cuma timbul jika nilai-nilai material ini diutamakan sehingga nilai-nilai rohaniah tidak mempunyai tempat sama sekali. Sesiapa sahaja boleh mengumpul harta di Malaysia, tetapi hendaklah dibuat dengan cara yang halal dan jujur. Kekayaan yang didapati itu hendaklah digunakan untuk menolong mereka yang tidak bernasib baik. Dengan ini kemajuan kebendaan dapat pula menyuburkan rasa bertimbang-rasa yang merupakan nilai kerohanian yang unggul.

Jentera Pentadbiran Yang Lebih Berkesan

Dalam masa yang singkat Dr. Mahathir telah berjaya membina sebuah jentera pentadbiran yang lebih berkesan. Jentera pentadbiran yang cekap dapat melicinkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Dr. Mahathir



telah mengumumkan beberapa dasar dan melancarkan beberapa kempen bagi membina jentera pentadbiran yang gigih dan berdisiplin.

Cogankata 'Bersih, Cekap dan Amanah' dijadikan pegangan di dalam pentadbiran Kerajaan Dr. Mahathir. Pemerintahan dan pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah membolehkan negara mencapai kemajuan yang pesat, menjamin kebahagiaan rakyat melalui pentadbiran yang licin demi meningkatkan daya pengeluaran negara.

Kebersihan yang dimaksudkan ialah daripada semua segi, sama ada kebersihan moral ataupun fizikal. Kebersihan moral bermakna sentiasa berfikiran bersih dalam apa juga tugas yang dilakukan. Semuanya dilakukan dengan niat yang baik dan murni, tidak menyalah-gunakan kuasa, tidak sombong, tidak angkuh dan tidak terlibat dalam sebarang jenayah dan rasuah. Selain daripada itu sifat bersih juga menandakan gerak-geri yang beradab-sopan, kemas dan rapi pada pakaian dan tempat bekerja.

Kecekapan pula adalah satu perkara yang penting dalam tatacara pekerjaan. Kecekapan boleh dipertingkatkan melalui latihan, penyelidikan, pelajaran dan amalan. Ini boleh dicapai sekiranya ada ketekunan dan ketabahan dalam menghadapi tugas-tugas harian.

Amanah adalah nilai yang perlu ada bagi setiap manusia yang bermasyarakat. Ini bererti mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan kerja, kewangan, harta benda Kerajaan dan harta rakyat. Penyalah-gunaan kuasa akan memusnahkan negara dan memburukkan masyarakat. Kerajaan memilih dan melaksanakan Dasar 'BCA' dalam sistem pemerintahan negara demi mendukung hasrat dan cita-cita murni negara.

Kepimpinan Melalui Teladan

Kempen 'Kepimpinan Melalui Teladan' telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 19hb. Mac, 1983. Setiap orang anggota masyarakat adalah pemimpin dalam setiap peringkat hidup. Setiap orang mempunyai ketuanya dan mempunyai orang di bawah jagaannya. Jika tidak pada hari ini, pada satu hari nanti kita tetap akan jadi pemimpin. Oleh itu kita diingatkan supaya awal-awal lagi menunjukkan teladan yang baik dan boleh meyakinkan semua pihak demi menentukan pentadbiran negara berjalan dengan cukup berkesan.

Sebagai pemimpin adalah tanggungjawab mereka untuk menjadi teladan kepada orang yang dipimpin. Tidak ada gunanya pemimpin menyeru kepada kebaikan jika ia sendiri tidak mengamalkan apa yang diseru olehnya.

Kad Perakam Waktu digunakan bagi menggantikan sistem mendaftar kedatangan dan kepulangan kakitangan melalui buku daftar. Tujuan Kad Perakam Waktu adalah untuk memastikan supaya pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak datang lewat ke pejabat dan pulang sebelum waktu yang ditetapkan. Pegawai dan kakitangan yang masuk ke pejabat atau keluar selain dari waktu biasa dikehendaki menulis sebab-sebab dan ini hendaklah diisikan oleh pegawai atasan masing-masing. Ini akan dapat menjamin disiplin di kalangan pegawai dan kakitangan supaya semua bekerja ke arah menjayakan konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Meningkatkan Daya Pengeluaran juga merupakan slogan yang dipentingkan oleh Dr. Mahathir. Slogan ini

telah berjaya meningkatkan kemampuan bekerja secara teratur dan bermutu tinggi. Setiap pekerja dengan tidak mengira bidang sama ada perindustrian, ladang, petani, nelayan atau perkhidmatan awam diseru untuk bekerja dengan lebih tekun, rajin, berdisiplin dan bertanggungjawab. Untuk mencapai peningkatan daya pengeluaran rakyat diseru supaya meningkatkan ilmu pengetahuan sepanjang masa, patuh kepada pemimpin, taat-setia dan bekerjasama sebagai satu kumpulan.

Kempen Meningkatkan Daya Pengeluaran juga merangkumi peranan dan kerjasama antara sektor awam dan swasta, peranan pihak pekerja dengan pengurusan berganding bahu mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dan mengurangkan kadar inflasi.

Jelasnya melalui daya pengeluaran ini para pekerja perlu mengenal-pasti tugas dan peranan masing-masing terhadap negara. Setiap orang perlu mengubah sikap terhadap kerja, sebaik-baiknya perlulah mempunyai sikap yang positif, serta menunjukkan cara bekerja yang efisien dan bersungguh-sungguh.

Setiap pekerjaan itu mestilah dirancang terlebih awal dan dengan teliti sebelum dilaksanakan. Kerjaya yang dirancang akan membuah hasil yang baik, bermutu dan menjimat perbelanjaan. Pembaziran waktu dan pembaziran kewangan hendaklah dielakkan. Ini bermakna menghindarkan diri daripada berbual-bual kosong serta mengganggu rakan-rakan yang sedang menumpukan perhatian terhadap pekerjaan.

Kaedah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja atau 'Quality Control Circle (QCC)' juga diperkenalkan. Melalui cara ini setiap individu adalah bebas untuk mengeluarkan pendapat masing-masing untuk memperbaiki

penghasilan atau keadaan tempat kerja, serta haruslah mengorbankan keperluan peribadi dan mengutamakan keperluan kumpulan.

Sifat dedikasi di dalam menjalankan tugas ini sangat dihargai oleh Dr. Mahathir. Beliau sangat gembira bila mendengar tentang kakitangan yang jujur dan amanah. Bila Utusan Malaysia pada tahun 1985 menyiarkan rencana mengenai seorang Ketua Stesen Keretapi di Bedung, Kedah yang berusaha bersungguh-sungguh mencantikkan stesennya dengan menanam bermacam-macam bunga, Dr. Mahathir telah menulis surat kepada Ketua Stesen tersebut memuji-muji usaha beliau. Begitu juga bila akhbar Malay Mail pada tahun 1983 menyiarkan berita seorang posmen, Noralisman bin Abu yang amanah dan tidak mahu melepaskan surat-surat berdaftar walaupun dalam keadaan cedera, Dr. Mahathir juga telah menghantar surat pujian kepada posmen tersebut. Contoh-contoh ini menunjukkan bagaimana Dr. Mahathir sangat mengambil berat terhadap imej jentera pentadbiran.

Sebagai satu langkah untuk memperkemaskan dan memperhebatkan lagi jentera pentadbiran negara ini, Dr. Mahathir telah menghidupkan semula Majlis Tindakan Negara untuk mengesan dan meneliti kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian, agensi-agensi dan badan-badan Kerajaan dari masa ke semasa.

Di samping itu Dr. Mahathir mengarahkan supaya Etika Perkhidmatan Cemerlang diamalkan dari peringkat atas untuk dicontohi oleh kakitangan di bawah. Pada 22hb. Februari, 1982 Dr. Mahathir mengarahkan semua ahli Exco Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan melaksanakan dua perkara pokok untuk memastikan setiap rancangan Kerajaan berjalan pesat mengikut jadual.

Setiap ahli Exco mestilah mengetahui dengan mendalam latar belakang dan tujuan segala dasar dan keputusan Kerajaan dan menyampaikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan di bawah potfolio masing-masing dengan tepat untuk mengelakkan salah tafsiran di peringkat pelaksanaan.

Setiap projek pembangunan hendaklah dilaksanakan secepat-cepatnya bagi mengelakkan kenaikan kos yang kadangkala meningkat sehingga seratus peratus daripada anggaran.

Sudah tentu seruan-seruan beliau mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Semangat memelihara maruah bangsa, memelihara budaya dan semangat rajin bekerja adalah kait mengait. Semangat bekerjasama dan perasaan kemasyarakatan yang menjadi seruannya telah membawa kejayaan kepada projek-projek estet padi. Sebuah projek yang dapat dicontohi ialah di Kampung Asam Jawa, Kedah. Di sinilah beberapa orang kampung mengerjakan tanah-tanah yang dahulunya terbiar secara usaha sama. Melalui cara ini tanah dapat diusahakan dengan cara yang lebih ekonomis dan mendatangkan hasil yang lebih baik.

Dr. Mahathir juga telah berjaya menyerapkan semangat ini ke dalam projek tanaman padi secara kolektif. Satu contoh daripada kejayaan ini didapati di Kedah. Di bawah sistem ini seramai 350 orang pemilik tanah yang luasnya 1,500 ekar bekerjasama. Dengan ini mereka mampu untuk mendapatkan kelengkapan teknologi bagi mengerjakan sawah, baja, khidmat nasihat dan juga pengangkutan untuk mengilang dan memasarkan padi. Dengan ini pendapatan tiap orang bertambah lebih jauh daripada jika mereka mengerjakan sawah secara individu.

Menghapuskan Rasuah

Menghapuskan rasuah merupakan satu usaha ber-sungguh-sungguh daripada Dr. Mahathir demi menjaga ke-unggulan pentadbiran Kerajaan di bawah beliau. Berita Harian, 27hb. Oktober, 1981 melaporkan Dr. Mahathir sebagai berkata yang rasuah terbahagi kepada dua pering-kat — bawah meja dan atas meja. Bila masih 'di bawah meja' ertinya masyarakat tidak menerimanya dan meng-anggapnya sebagai perbuatan jenayah atau sekurang-kurangnya sebagai perbuatan yang hina. Di peringkat ini masih boleh diubahi. Tetapi setelah masuk ke peringkat 'atas meja' iaitu dibuat terang-terangan sebagai perkara biasa dan semua orang terlibat, dari yang paling rendah kepada yang paling tinggi, maka tidaklah dapat diubahi lagi, kerana telah menjadi pendapatan yang diakui. Mengikut Dr. Mahathir, di Malaysia, rasuah masih lagi 'di bawah meja' dan boleh diubahi.

Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara

Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara adalah mempunyai maksud yang murni dan mulia. Tuju-annya ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui nilai-nilai yang disanjung oleh agama Islam se-erti rajin, tekun, bersih, cekap dan amanah.

Dasar ini bukanlah bermaksud untuk mengislamkan mereka yang bukan Islam. Ini adalah satu tanggapan yang salah. Ianya juga bukanlah bertujuan mengenakan paksa-an terhadap peraturan dan undang-undang Islam kepada masyarakat bukan Islam di negara ini.

Apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk menerapkan satu sikap bekerja yang bersungguh-sungguh serta pentadbiran yang cekap dan berkesan untuk meningkatkan produktiviti. Nilai-nilai Islam merupakan nilai-nilai sejagat (universal). Contohnya, amanah, rajin, bersih, bencikan rasuah; semuanya adalah nilai-nilai bersama manusia yang mulia dan suci.

Ketika menyampaikan ucapan dasarnya sebagai Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-35 pada 25hb. Mei, 1984, Dr. Mahathir berkata, "Sebagai satu lagi usaha untuk menentukan kejayaan orang Melayu, kita telah berusaha menerapkan nilai-nilai Islam. Kita tidak syak bahawa nilai-nilai Islam akan menjadikan orang Melayu orang yang lebih berjaya di dunia dan di akhirat. Pentadbiran yang diasaskan kepada nilai-nilai Islam tetap akan menjadi pentadbiran yang kukuh, adil dan berjaya".

Kejayaan Kerajaan Mahathir Dalam Usaha Meningkatkan Syiar Islam

Hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan syiar Islam di dalam negara ini adalah nyata. Kejujuran dan kesungguhan dalam menegakkan Islam di negara ini telah mendapat sambutan baik dari dalam negara dan puji dari kalangan negara-negara Islam.

Dr. Mahathir menekankan unsur-unsur Islam yang dapat membawa kemajuan pada kehidupan rakyat. Bagi Dr. Mahathir strategi yang paling mustahak dan utama dalam meningkatkan syiar Islam ialah memperkukuhkan kedudukan umat Islam di dalam negara ini – kukuh dari

segi ekonomi, dari segi pengetahuan dan pencapaian ilmu, keupayaan membangunkan diri dan ketahanan dari segala ancaman yang berbentuk fizikal, atau yang bukan fizikal termasuk pengaruh kefahaman-kefahaman yang negatif, arus pemikiran liar dan lain-lain lagi.

Islam dan Ilmu Pengetahuan

Dr. Mahathir terus menerus menyeru umat Islam di negara ini supaya sentiasa memperluaskan ilmu pengetahuan mereka selaras dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. yang menyuruh kita menuntut ilmu walaupun sampai ke negeri China. Berucap ketika merasmikan bangunan Pusat Islam pada 16hb. September, 1985, Dr. Mahathir sekali lagi menyedarkan umat Islam supaya merenung kemajuan umat Islam di kurun kedua dan ketiga Hijrah. Antara lain Dr. Mahathir menyebut, "Kita pada zaman ini mesti bertanya mengapa umat Islam pada zaman itu boleh mengambil sikap demikian rupa sehingga mereka dapat menempa kemajuan yang begitu besar, terutama berbanding dengan dunia Barat di zaman yang sama. Jawapan yang kita perolehi ialah mereka didesak oleh tuntutan-tuntutan dan gesaan-gesaan Islam supaya umatnya berusaha mencari ilmu pengetahuan dan membuat penerokaan-penerokaan yang perlu bagi menunaikan tanggungjawabnya yang besar kepada umat manusia. Mereka sanggup mencari ilmu pengetahuan walaupun sumbernya ialah dari orang-orang bukan Islam. Mereka menjelajah jauh untuk mencari ilmu pengetahuan".

Dr. Mahathir sentiasa menegaskan bahawa objektif di sebalik dasar penerapan nilai-nilai Islam ialah supaya nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif mengenai kehidupan

dan pekerjaan yang dianjurkan oleh Islam dipraktik dan diamalkan bagi memperbaiki taraf hidup dan mencapai hasil yang maksima dari segala sumber kemakmuran yang diberi oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kita.

Umat Islam mestilah mengambil peluang bagi memperkukuhkan kedudukan mereka. Membiarkan potensi kekayaan dan kemakmuran dengan tidak diusahakan adalah satu sifat membazir yang dikutuk oleh Islam.

Nilai Islam dan keimanan yang mantap akan membuat seseorang itu menunaikan tugasnya dengan penuh disiplin dan dedikasi. Iman akan membuat seseorang itu sentiasa sedar bahawa Allah mengetahui apa yang dia lakukan.

Pembangunan ekonomi adalah dipentingkan selaras dengan ajaran Islam. Segala rancangan ekonomi untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup adalah tanggungjawab yang dipikul oleh Kerajaan dengan mengambil iktibar maksud Hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi, "Kemiskinan itu menghampiri seseorang kepada kekufuran".

Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah memperbaiki urusan pentadbiran zakat dan Baitulmal supaya wang kutipan zakat dan Baitulmal dapat dilaburkan mengikut prinsip Islam.

Bank Islam adalah merupakan kemuncak kesungguhan Kerajaan Mahathir untuk memajukan ekonomi Islam. Ketika merasmikan Bank Islam pada 1hb. Julai, 1983, Dr. Mahathir berkata, "Penubuhan Bank Islam bukanlah satu manifestasi keangkuhan orang Islam atau

satu usaha simbolik untuk mempamerkan keIslaman negara ini. Penubuhan Bank Islam ini adalah satu usaha untuk meyakinkan bahawa penerapan ajaran Islam ke dalam ekonomi negara ini tidak akan membawa kemalangan. Kita perlukan satu usaha mewujudkan dan meneruskan yang boleh menentukan bank cara Islam memainkan peranannya dalam ekonomi yang moden”.

Usaha-usaha Dr. Mahathir yang menampakkan kejayaan yang nyata termasuklah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, penubuhan Syarikat Takaful iaitu syarikat insuran bercorak Islam. Begitu juga dengan Undang-undang Keluarga Islam telah dijalankan di beberapa buah negeri di Malaysia. Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir juga mengiktiraf aspek-aspek perundangan Islam dan telah meningkatkan taraf Kadi-Kadi dan Mahkamah Syariah seimbang dengan taraf Majistret dan Mahkamah Civil dari segi pentadbiran dan perkhidmatan mereka.

Semua ini adalah langkah-langkah besar yang memberi kesan ke atas masyarakat Islam di Malaysia, malah menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain dalam menghadapi tuntutan hidup di zaman ini.

Persamaan Waktu Seluruh Negara

Dr. Mahathir telah berjaya mengambil langkah yang radikal dengan penggubalan Akta Waktu Standard Malaysia 1981 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21hb. Disember, 1981. Akta ini membawa kepada keseragaman Waktu Rasmi bagi seluruh Malaysia mulai 1hb. Januari, 1982. Waktu rasmi Sabah dan Sarawak yang lapan jam

terdahulu daripada GMT dipilih sebagai waktu yang standard bagi Malaysia. Ini didapati lebih sesuai daripada segi penjimatan ke atas waktu siang atau 'daylight saving'.

Penyamaan waktu juga merupakan satu lagi usaha positif ke arah mengeratkan lagi silaturahim antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Selaras dengan pelaksanaan waktu standard Malaysia, waktu rasmi pejabat juga diseragamkan. Ini membawa kepada perhubungan dan urusan perkhidmatan pentadbiran di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah Sarawak yang lebih licin dan berkesan.

Pelajaran dan Pendidikan

Satu lagi aspek sosial yang mendapat kejayaan di bawah pentadbiran Dr. Mahathir ialah bidang Pelajaran atau Pendidikan. Proses membangun dan memodenkan masyarakat tentulah tidak boleh berjalan lancar tanpa kemajuan yang sewajarnya di bidang pendidikan.

Dr. Mahathir yang pernah menjadi Menteri Pelajaran sebelum dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, memang memberikan perhatian yang berat kepada kemajuan pendidikan. Setiap tahun sektor pendidikan mendapat peruntukan yang melebihi kebanyakan sektor lain.

Sistem pendidikan negara telah berkembang dengan pesatnya semenjak merdeka. Kadar celik huruf dan pendaftaran murid di sekolah rendah, menengah dan di institusi pelajaran juga diperluas dan kandungan kurikulum sentiasa diperbaiki dan diawasi.

Dr. Mahathir menyedari bahawa pembangunan bidang ini tidak dapat dipikul oleh Kerajaan sahaja. Pihak-pihak lain, khususnya pentadbiran sekolah, ibubapa dan para guru perlu memainkan peranan masing-masing. Kedua-dua pihak ini perlu ada kerjasama dan persefahaman untuk menyambung ke arah kemajuan pendidikan.

Di dalam ucapan-ucapannya semasa menjadi Menteri Pelajaran beliau sering mementingkan tujuan pelajaran dan latihan untuk memperbaiki integrasi dan perpaduan rakyat, mengadakan tenaga manusia yang terlatih terutamanya di bidang sains dan teknologi dan mengurangkan kadar keciciran murid. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha memperkukuhkan sistem pelajaran dan membahagikan kemudahan-kemudahan pelajaran secara lebih adil dan saksama.

Sekali lagi, dalam bidang pelajaran juga Dr. Mahathir menekankan kepada cita-cita membina masyarakat yang bermaruah dan beradab sopan. Berucap di upacara Hari Guru pada 16hb. Mei, 1976, Dr. Mahathir berkata, "Pupuklah dalam diri setiap penuntut sikap dan nilai yang membantu dan membimbing mereka untuk menjadi warganegara yang taat-setia, bertanggungjawab dan berguna serta menghormati orang yang lebih tua".

Dr. Mahathir juga sering berseru kepada para pelajar Malaysia supaya meningkatkan kemajuan melalui pelajaran, kepakaran dan rajin bekerja. Ketika melawat London pada bulan April 1985, Dr. Mahathir berucap kepada pelajar-pelajar kita. Katanya, "Untuk menjadi bangsa yang dihormati, orang-orang Malaysia tidak akan dihormati sekiranya mereka hanya berteriak-teriak me-





minta dihormati. Untuk dihormati kita mestilah meningkatkan kemajuan melalui pelajaran, kapakaran dan rajin bekerja”.

Dr. Mahathir telah mencapai kejayaan dalam usahanya meningkatkan kepakaran teknologi. Mengikuti Dr. Mahathir ketika merasmikan Muzium Sains Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia pada 4hb. Oktober, 1983, kanak-kanak sekolah perlu didedahkan dengan seberapa segera kepada perkembangan moden, termasuk komputer untuk mewujudkan persekitaran sains dan teknologi.

Usahnya yang gigih dalam mempelajari teknologi dari negara-negara maju termasuk Jepun dan Korea memperlihatkan kejayaan yang jelas bila ramai sekali siswa-siswa dan belia-belia yang mendapat pengetahuan dari kedua-dua negara Timur itu. Menurut Dr. Mahathir dalam Berita Minggu 14hb. Ogos, 1983, Korea Selatan menawarkan lebih banyak peluang belajar kepada rakyat Malaysia di pusat-pusat pengajian tingginya selain di firma-firma swasta menerusi latihan sambil kerja. Peluang keemasan ini akan digunakan sebaik-baiknya untuk memudahkan pelaksanaan dasar pandang ke timur dan menambahkan bilangan pekerja mahir di sektor perindustrian.

Dasar Kependudukan

Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah menggubal satu Dasar Kependudukan bagi mencapai 70 juta penduduk dalam tempoh 115 hingga 120 tahun akan datang. Dasar ini memperlihatkan pandangan jauh Dr. Mahathir di dalam usaha membangunkan negara.




Dasar ini digubal setelah membuat pengkajian yang teliti. Manusia merupakan sumber terpenting bagi sesebuah negara selain daripada tanah serta lain-lain sumber semula jadi. Kita perlu kepada rakyat yang ramai bagi membina sebuah negara yang kuat dan berdaulat.

Malaysia masih mempunyai tanah yang mencukupi bagi tujuan menampung pertambahan penduduk. Mengikut Bank Dunia masih terdapat 19 juta ekar kawasan subur yang boleh dimajukan di Malaysia. Potensi bagi memajukan semula sumber laut dan hutan juga amatlah besar. Di samping itu Kerajaan terus menjalankan usaha-usaha agar pertumbuhan penduduk adalah sejajar dengan semangat dedikasi untuk bekerja kuat dan menghasilkan daya pengeluaran yang tinggi.

Dasar kependudukan negara selain daripada mengawasi pertumbuhan penduduk yang merosot yang tidak memberi faedah kepada negara daripada segi jangka panjang antara lain bertujuan untuk mengadakan tenaga kerja yang mencukupi untuk pembangunan negara dan meningkatkan daya pengeluaran dan daya pembelian nasional. Pasaran dalam negeri akan menjadi lebih luas dan dengan ini membantu menggalakkan pertumbuhan industri.

Bidang Ekonomi

Kemelesetan ekonomi dunia yang dialami oleh negara-negara di dunia keseluruhannya juga telah melibatkan negara kita. Dalam era di mana ekonomi sesebuah negara itu saling bergantung di antara satu sama lain, apa yang berlaku di sesebuah negara tidak dapat tidak akan



juga mempunyai kesannya ke atas negara lain. Keadaan kemelesetan yang kita hadapi ini menjadi bertambah buruk dengan kejatuhan harga barang-barang utama negara kita seperti bijih timah, getah, kelapa sawit, kayu balak dan minyak mentah. Akibatnya ialah kedudukan ekonomi dan kewangan negara terjejas. Oleh itu segala usaha dan rancangan Kerajaan telah mengambil-kira kedudukan ini.

Walaupun kita mengalami kemelesetan ekonomi tetapi kita bernasib baik jika dibandingkan dengan beberapa negara lain yang sangat teruk dilanda kemelesetan ini. Selama mana kita mengalami kemelesetan ini bergantung kepada tindakan dan kesanggupan kita untuk mengatasinya. Dalam hal ini setiap kita hendaklah bekerja dengan lebih kuat, rajin, meningkatkan daya pengeluaran, berjimat-cermat dan berusaha dengan tekun. Dengan cara ini negara kita juga dapat bersaing dengan lebih berkesan dengan negara-negara lain di pasaran antarabangsa. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan seperti mengurangkan perbelanjaan, melicinkan lagi jentera pentadbiran, mengurangkan pembaziran telahpun mendatangkan manfaat kepada kita. Apa yang perlu dibuat sekarang ialah untuk meningkatkan lagi usaha-usaha ini supaya kita dapat mengatasi kemelesetan ekonomi yang kita hadapi ini secepat mungkin, insya-Allah.

Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang dibentangkan oleh Dato Seri Dr. Mahathir telah mengambil-kira faktor-faktor ini. Beberapa penyesuaian telah dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kelima di mana cuma projek-projek yang perlu sahaja diberi keutamaan, khususnya projek-projek bagi kepentingan dan faedah rakyat.

Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dasar Ekonomi Baru atau DEB telah berjaya mengubah sikap rakyat khususnya orang-orang Melayu yang kini sudah menganggap pembangunan sebagai suatu yang perlu untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan. Dalam hal ini melalui Dasar Ekonomi Baru, negara telah mencapai banyak kejayaan di berbagai bidang. Masyarakat keseluruhannya telah mengecapi nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru.

Melalui Dasar Ekonomi Baru kita telah melatih dan mengeluarkan ramai profesional dalam berbagai bidang kemahiran yang perlu untuk meningkatkan lagi pembangunan negara. Ramai anak muda kita telah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam dan di luar negeri. Di samping itu kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air, sekolah-sekolah, klinik-klinik, jalanraya dan sebagainya telah dipertingkatkan untuk menambahkan lagi kesejahteraan hidup rakyat terutamanya rakyat yang tinggal di desa.

Untuk menentukan segala projek yang dirancangan ini berjalan dengan lancar dan teratur Dato Seri Dr. Mahathir sendiri sentiasa mengambil perhatian berat kepada maklum balas yang diterima mengenai projek-projek pembangunan untuk menentukan ianya mencapai kejayaan. Walaupun banyak kejayaan telah dicapai di bawah DEB, Kerajaan sedar bahawa pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru ini boleh dipertingkatkan lagi khususnya dalam usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam hal ini segala usaha sedang ditumpukan bagi mencapai objektif-objektif murni yang telah ditetapkan.

Pelaburan dan Perindustrian

Ekonomi Malaysia adalah berasaskan kepada konsep ekonomi terbuka, dalam mana Malaysia mengamalkan dasar menggalakkan pengaliran modal asing, kemahiran dan pengalaman ke negara kita. Malaysia di bawah pentadbiran Dr. Mahathir juga mengalu-alukan bantuan luar bagi memajukan industri-industri kecil di samping melihat industri-industri besar dan sederhana terus berkembanglah hasil saranan Dato Seri sendiri yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perusahaan dan Perdagangan. Bersama-sama Menteri-menteri lain, Dato Seri berjaya menarik pelabur-pelabur asing yang membawa bersama teknologi mereka ke negara kita.

Kejayaan Malaysia dalam bidang industrialisasi pada awal tahun 80-an adalah lanjutan daripada sekim penggalakan yang dibuat oleh MIDA. Kempen-kempennya itu adalah hasil saranan Dato Seri sendiri yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perusahaan dan Perdagangan. Bersama-sama Menteri-menteri lain, Dato Seri berjaya menarik pelabur-pelabur asing yang membawa bersama teknologi mereka ke negara kita.

Perdana Menteri tidak berhenti setakat itu sahaja. Beliau seterusnya memberi perhatian kepada perkembangan industri berat dengan penubuhan HICOM serta lain-lain perusahaan. Ini adalah untuk meningkatkan lagi pembangunan negara di samping mengurangkan pergantungan kita kepada bahan-bahan mentah yang dewasa ini mengalami kemerosotan harga. Dengan adanya perusahaan-perusahaan berat ini lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan. Dengan usaha gigih serta panduan daripada beliau, Malaysia telah dapat menghasilkan kereta Nasio-

nalnya sendiri iaitu 'PROTON SAGA'. Perkembangan ini membuka lembaran baru dalam bidang perindustrian negara kita, membuktikan cita-cita pemindahan teknologi ke negara-negara yang sedang membangun bukanlah sesuatu yang mustahil.

Dato Seri turut berusaha memberi perangsang kepada golongan-golongan pengusaha tempatan untuk terus maju ke hadapan sehingga berjaya menjadi usahawan-usahawan yang mahir dan boleh mendapat kepercayaan daripada pelabur asing. Malah salah satu sistem perusahaan yang baru yang melibatkan sistem pengurusan secara 'centralised' berlandaskan satu prinsip dan peraturan telah diperkenalkan. Sistem ini membolehkan pengusaha-pengusaha yang kurang berpengalaman pun untuk mengambil bahagian tanpa perlu ragu-ragu akan kerugian.

Di samping itu sistem penjualan saham dan tanah kepada Bumiputera yang kemudian menjualkannya kepada orang lain semata-mata untuk mendapatkan keuntungan telah dihapuskan. Kini saham-saham tersebut dibahagi-bahagikan secara adil melalui satu sistem amanah saham dan melalui sistem ini para pemilik tidak lagi boleh menjual balik saham mereka kepada orang lain kecuali kepada pihak pengurus itu sendiri. Begitu juga keadaannya dengan persoalan tanah.

Sistem baru ini juga memberi peluang kepada Bumiputera untuk memiliki saham dengan mudah. Setakat ini permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) merupakan dua buah institusi yang menguruskan perkhidmatan tersebut. Sistem ini diperkenalkan bertujuan untuk membantu pencapaian matlamat 30 peratus penglibatan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan menjelang tahun 1990.

Kerajaan Malaysia sanggup mengadakan pakar-pakar pengurusan serta tokoh-tokoh perniagaan terkemuka dari luar negeri demi untuk membantu para peniaga Bumiputera mencapai matlamat tersebut. Di samping itu Perdana Menteri juga berhasrat untuk melihat pengusaha-pengusaha Bumiputera meluaskan perniagaan mereka meliputi bidang-bidang baru demi mengelak daripada berlakunya persaingan sesama sendiri yang tidak menguntungkan sesiapaupun. Beliau turut menggalakkan pengusaha-pengusaha kita supaya menumpukan lebih perhatian kepada aktiviti-aktiviti pengeksportan barang-barang buatan daripada sumber-sumber tempatan, dan tidak cuma mengeksport bahan-bahan mentah seperti getah, kelapa sawit, balak dan lain-lain.

Di bawah RML, Kerajaan telah berusaha meningkatkan industri yang berorientasikan eksport di samping mengemukakan strategi-strategi gantian untuk barang-barang import. Usaha-usaha untuk membaiki lagi iklim pelaburan terus dijalankan.

Segala usaha ini, insya-Allah, akan mendatangkan manfaat kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Persyarikatan Malaysia

Satu lagi dasar inisiatif Perdana Menteri ialah Persyarikatan Malaysia. Dasar Persyarikatan Malaysia bertujuan untuk menghapuskan sikap berkonfrantasi di antara pihak-pihak Kerajaan dengan pihak swasta yang sudah tentu menghalang pembangunan negara dan merugikan kita. Sebaliknya Persyarikatan Malaysia bertujuan mewujudkan kerjasama yang erat, bermakna dan berkesan di antara kedua-dua pihak.

Sejajar dengan dasar ini, Kerajaan dan swasta akan bekerja sebagai rakan dan akan bersungguh-sungguh berusaha membangunkan negara. Dengan cara ini, rakyat keseluruhannya akan menerima manfaat yang maksima. Begitu jugalah halnya mengenai layanan-layanan Kerajaan kepada rakyat. Rakyat menjadi rakan Kerajaan dalam menentukan kemajuan, kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Penswastaan

Satu lagi dasar yang dikemukakan oleh Dato Seri ialah penswastaan. Penswastaan bermaksud pemindahan beberapa perkhidmatan dan perusahaan Kerajaan kepada pihak swasta. Ini tidak bermakna Kerajaan akan kehilangan punca pendapatannya. Kerajaan bukan ditubuhkan untuk berniaga dan mencari untung. Oleh itu banyak syarikat Kerajaan sering mengalami kerugian. Adalah lebih baik jika khidmat-khidmat Kerajaan yang bercorak perniagaan dipindah-milikkan kepada pihak swasta dan Kerajaan mengutip hasil cukai daripada keuntungan yang diperolehi oleh mereka.

Memandang kepada kesedaran inilah maka beberapa perkhidmatan awam serta perniagaan milik Kerajaan dipindahkan kepada pihak swasta. Tindakan inilah yang dipanggil penswastaan dan ia kini dilaksanakan secara beransur-ansur setelah kajian yang teliti dibuat. Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang memilih untuk berpindah diberi jaminan bahawa kepentingan mereka tidak terjejas akibat penswastaan.

Pelaksanaan dasar penswastaan ini adalah selaras dengan matlamat dan strategi Dasar Ekonomi Baru. Tambahan pula situasi ekonomi negara kita memerlukan

tindakan yang dapat membantu Kerajaan mengurangkan bebanan kemelesetan ekonomi yang sedang dirasai oleh semua. Penswastaan ini dapat dilaksanakan memandangkan sudah banyak syarikat-syarikat Bumiputera yang berupaya melibatkan diri dengan aktif di waktu ini.

Dasar Pertanian Negara

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengambil dayausaha utama memulakan kerja-kerja pengubalan dasar yang membawa pembaharuan kepada taraf hidup para petani, pekebun, nelayan dan penduduk desa. Dasar ini bermatlamat untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber yang ada dengan cekap dan pantas serta mempergiatkan semula sumbangan sektor ini kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Peningkatan daya pengeluaran dari sektor ini sudah pasti akan menambahkan pendapatan para petani yang kebanyakannya masih berada di tahap kemiskinan. Tanaman-tanaman baru yang mempunyai potensi untuk eksport juga digalakkan melalui pembangunan tanah baru, pembangunan insitu, penyediaan khidmat sokongan dan galakan serta pembangunan sosial.

Semenjak kita mencapai kemerdekaan, berbagai usaha untuk meninggikan taraf kehidupan petani telah dilaksanakan. Pengumuman Dr. Mahathir tentang konsep 'estet padi' merupakan satu lagi perkembangan yang penting. Konsep ini melibatkan penyertaan tuan-tuan tanah sawah yang dikehendaki menyerahkan tanah mereka untuk disatukan menjadi sebuah ladang. Sistem perladangan berkelompok ini akan dibangunkan secara

kolektif, dalam mana tuan-tuan tanah tidak akan kehilangan hak masing-masing. Malah tanah-tanah tersebut akan dibangunkan melalui penggunaan benih-benih yang lebih bermutu, baja, racun serangga dan berbagai kemudahan lain yang disalurkan melalui koperasi Peladang. Para petani pula perlu memberi kerjasama dan berusaha dengan gigih supaya hasil pengeluaran lebih bermutu dan tinggi. Dengan itu pendapatan petani-petani juga akan bertambah.

Kedah memulakan pelaksanaan konsep ini dan kini Kampung Asam Jawa sudah dapat menikmati faedahnya. Turut dirancangkan melalui konsep ini ialah penubuhan industri-industri kecil seperti industri kerjatangan yang dapat menambah pendapatan penduduk desa. Petani-petani akan diberi saham mengikut bidang tanah masing-masing di samping mendapat peluang pekerjaan. Pengurusannya akan dilaksanakan dengan bantuan Kerajaan manakala gaji mereka akan dibayar oleh Koperasi Pemilik Tanah. Bila tanah sawah para petani di luar bandar telah disatu dan diuruskan sebagai estet, peserta skim akan ditempatkan semula di satu kawasan yang sesuai di estet itu sendiri dan rumah-rumah akan dibina mengikut pelan yang tertib. Seiringan dengan ini pengumpulan kampung-kampung berhampiran untuk dijadikan bandar kecil dilaksanakan bertujuan untuk mengubah corak kehidupan luar bandar. Bandar-bandar Baru akan dibekalkan dengan berbagai-bagai kemudahan termasuklah bekalan air, kemudahan jalan, serta kemudahan-kemudahan lain seperti kedai, sekolah, klinik dan lain-lain.

Program ini bukan sahaja dikhaskan untuk para pesawah padi tetapi juga kepada nelayan, pekebun kecil serta mereka yang tidak memiliki tanah, berdasarkan kesesuaian keadaan setempat.

Koperasi

Berhubung dengan peranan koperasi dalam ekonomi negara, Perdana Menteri menyarankan perluasan kegiatannya, dengan keutamaan diberi kepada usaha-usaha untuk menjamin pengurusan dan pendekatan yang lebih moden kepada ahli-ahli. Gerakan koperasi yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dan semangat berdikari boleh membantu Kerajaan dalam semua kegiatan ekonomi demi kepentingan ahli-ahlinya yang terdiri daripada kaum pekerja, petani, nelayan dan lain-lain.

Dr. Mahathir telah menggariskan beberapa panduan koperasi demi untuk mengatasi masalah kelemahan pengurusan yang sedang dialami. Pertama, koperasi mesti sanggup bertanding dalam dunia perniagaan moden tanpa menghilangkan ciri-ciri koperasi tetapi sebaliknya meletakkan koperasi di landasan baru bagi menjamin persaingan dalam dunia moden ini. Kedua, Koperasi perlu meletakkan pentadbirannya kepada pihak pengurusan yang profesional supaya koperasi dapat diteraskan berdasarkan ciri-ciri perniagaan dan pengurusan moden. Panduan ketiga, badan-badan koperasi mestilah memisahkan persoalan dasar dengan persoalan pengurusan supaya usaha-usaha yang dijalankan tidak menjadi terumbang-ambing dan seterusnya gagal kerana dipengaruhi oleh gejala-gejala peribadi dan politik perkumpulan.

Bank Islam dan Syarikat Takaful

Bank Islam ditubuhkan untuk memberi khidmat kepada orang-orang Islam khususnya. Sistem bank ini menolak amalan mengambil faedah atau riba. Ia juga dapat menghidup dan mengukuhkan ketahanan masya-



rakat dengan cara mengumpul wang zakat, melabur serta mengagihkan keuntungannya secara adil dan saksama. Secara tidak langsung penubuhan bank ini juga merupakan satu langkah untuk membangunkan semula ekonomi Islam yang telah diasaskan oleh generasi Islam pertama, yang dipelopori oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatNya.

Di samping institusi kewangan, insuran merupakan institusi kedua pentingnya dalam pelaksanaan ekonomi moden hari ini. Malangnya sistem insuran yang diamalkan selama ini tidak sehaluan dengan lunas-lunas Islam. Menyedari hakikat inilah Perdana Menteri telah menggalakkan supaya ditubuhkan sebuah syarikat Insuran Islam di negara ini yang dikenali sebagai Syarikat Takaful.

Matlamat utama penubuhan syarikat ini ialah untuk menyediakan kemudahan dan khidmat perlindungan kepada umat Islam khususnya dan rakyat negara ini amnya dalam menjalankan muamalat ekonomi yang lebih menitik-beratkan kebajikan sosial dan juga sebagai ganti amalan sistem insuran sekarang yang mengandungi unsur-unsur riba dan seumpamanya.

Konsep Insuran Islam ini menggambarkan satu rancangan berasaskan perpaduan, rasa tanggungjawab dan hubungan persaudaraan.

Dasar Luar dan Hubungan Antarabangsa

Lawatan rasmi Dato Seri Dr. Mahathir ke luar negeri dan kunjungan negarawan-negarawan asing mendatangkan hasil yang baik. Ini adalah bukti kejayaan dasar luar Malaysia.



Malaysia menjadi lebih terkenal di dunia dan berjaya mendapat rakan-rakan baru. Kini Malaysia mempunyai hubungan dengan negara-negara Barat, negara-negara Islam dan juga negara-negara membangun walaupun berbeza dari segi sistem politik.

Pandangan dan sikap tegas Dato Seri khususnya di forum-forum antarabangsa seperti di Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan-Persidangan Antarabangsa Negara-Negara Islam dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih dihormati. Dunia bukan sahaja mendengar apa yang disuarakan oleh kita, malahan mereka meminta pandangan dan pendapat mengenai isu-isu tertentu.

Lawatan-lawatan Dr. Mahathir ke luar negeri telah berjaya mendapatkan pasaran baru untuk barangan-barangan kita.

Dasar Pandang Ke Timur

Jikalau dahulu Barat dijadikan sebagai contoh, tetapi sekarang ini kita ingin juga mengambil sebagai contoh negara-negara timur yang telah mencapai taraf kemajuan yang tinggi. Dengan cara ini, kita akan dapat memperseimbangkan pengaruh-pengaruh barat dan timur. Ini bermakna erti kita akan menikmati segala yang baik dari Timur dan juga Barat. Tujuan utama Dasar Pandang Ke Timur ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai etika kerja yang positif untuk meninggi dan memesatkan lagi kemajuan negara.


Dasar ini menumpukan kepada sifat-sifat kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja bekerja, ketutamaan kepada kumpulan dan tidak kepada diri sendiri dan kepada produktiviti serta mutu yang tinggi. Tumpuan juga dibuat kepada peningkatan kecekapan pengurusan dan lain-lain lagi yang dipercayai boleh menyumbangkan kepada kemajuan negara.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, nilai-nilai dan etika kerja di atas perlu diamalkan kerana ianya dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan. Dasar Pandang Ke Timur ini tidak bermakna bahawa Malaysia mengurangkan hubungan dagangannya dengan rakan-rakan yang ada sekarang. Sebaliknya, Kerajaan akan terus memperluaskan lagi perdagangannya.

Penutup

Langkah berjimat cermat, meninggikan produktiviti, tekun bekerja dan sebagainya yang dianjurkan oleh Perdana Menteri adalah bertujuan untuk mempercepatkan usaha-usaha mengatasi kemelesetan ekonomi yang dialami. Mudah-mudahan dengan mengamalkan sifat-sifat positif ini masa depan negara kita akan lebih terjamin dan keadaan ekonomi yang meleset, lanjutan daripada kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini, dapat diatasi dengan lebih segera.


Di samping itu Kerajaan juga terus berusaha membantu penduduk di luar bandar menambahkan pendapatan mereka dengan menubuhkan industri-industri kecil serta menggalakkan berbagai lagi kegiatan ekonomi yang membuka peluang-peluang pekerjaan. Dengan usaha-usaha Kerajaan ini serta sokongan dan penglibatan aktif rakyat kita akan terus maju dan makmur, insya-Allah.



**Disunting oleh Zurinah Hassan.
Rekabentuk oleh Bahagian Pengeluaran Visual.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan.
Dicetak oleh Percetakan Rina Sdn. Bhd.
B.K. 038 (B.M) Julai 1986 (PR)(150.).**



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**



PUSTAKA
PERDANA
LIBRARY



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA